

# **BAB SATU**

## **PENDAHULUAN**

### **1.0 PENGENALAN**

Bab satu ini merupakan pengenalan kepada kajian yang dijalankan. Melalui bab ini perkara yang dinyatakan adalah berhubung kepada beberapa perkara yang membawa kepada kajian dan bagaimana kajian dijalankan serta cara dapatan kajian diperolehi. Bagi merungkai perkara tersebut, struktur penulisan kajian digunakan yang terdiri daripada latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, kajian lepas dan metodologi kajian yang merangkumi metode pengumpulan data serta metode analisis data. Secara amnya, bab ini menerangkan maklumat asas pada penyediaan disertasi seterusnya menggambarkan maksud dan tujuan kajian ini dilakukan.

### **1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Wakaf merupakan suatu bentuk ibadah yang telah disyariatkan Allah s.w.t. kepada umat Islam. Sebagai ibadah sunat, ibadah wakaf sekiranya dilakukan dengan sempurna bukan sahaja memberi pahala yang besar kepada si pewakaf, malah ia akan membangun serta memelihara kebajikan umat Islam di dunia ini. Jika dihayati ibadah wakaf ini dengan sebenar-benarnya, ia mampu untuk menghidupkan rasa ingin terus beribadah dengan berwakaf kerana balasan serta kesannya amat besar yang telah dijanjikan oleh Allah s.w.t. Firman Allah s.w.t. :

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ  
حَبَّةٍ أُنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سُنْبُلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ ۗ  
وَاللَّهُ يُضْعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ ۗ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٦١﴾

Maksudnya : “Bandangan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang di kehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi meliputi ilmu pengetahuanNya”.

Surah Al-Baqarah 2: 261

Amalan wakaf pertama dalam Islam telah dilakukan oleh Sayidina Umar iaitu ketika mana beliau bertemu dengan Rasulullah s.a.w. bagi mendapatkan pandangan baginda berhubung sebidang tanah beliau yang diperolehi dari agihan peperangan yang terletak di Khaybar. Apabila ditanya pandangan kepada Rasulullah s.a.w. lalu baginda menyuruh beliau untuk mewakafkan tanah tersebut.<sup>1</sup>

Peristiwa yang berlaku terhadap Sayidina Umar ini sekiranya dilihat dan dihayati melalui suruhan Rasulullah s.a.w. dalam hal mewakafkan tanah tersebut akan memberi satu gambaran yang jelas bahawa mewakafkan sesuatu harta yang bernilai dan yang dikasihi itu adalah suatu yang amat dituntut serta mempunyai natijah yang amat besar dalam hidup sekiranya ia dilakukan. Ia bukan sahaja memberi manfaat kepada yang menerimanya, tetapi akan dikurniakan ganjaran besar Allah s.w.t seperti firman Allah s.w.t. dalam surah Al-Baqarah 2: 261 yang dinyatakan sebelum ini.

<sup>1</sup> Sayyid Sabiq, *Fiqh al-Sunnah*, Jld. 3, (Beirut : Dar al-Fikr, 1983), 380-381.

Umat Islam pada hari ini menjalankan ibadah wakaf dalam beberapa bentuk seperti wakaf alih dan wakaf tak alih. Wakaf alih ialah wakaf yang boleh diusahakan bagi menghasilkan jumlah yang lebih besar dan mempunyai nilai ekonomi seperti wang, surat berharga, kenderaan, hak ke atas harta intelek, hak sewa dan benda alih lain yang sesuai dengan ketentuan syariah dan undang-undang. Manakala wakaf tak alih pula ialah benda yang tidak boleh dialih seperti tanah, bangunan dan lain-lain.<sup>2</sup> Sehubungan itu, setelah berlakunya perkembangan dan permodenan terdapat pula beberapa konsep pewakafan yang boleh dibuat dan menepati prinsip Islam dalam maksud ibadah wakaf itu sendiri.

Wakaf adalah salah satu sumber kepada kewangan dan ekonomi umat Islam. Meningkatkan harta wakaf sememangnya amat digalakkan bukan sahaja melalui pemberian wakaf oleh umat Islam sendiri bahkan usaha-usaha tertentu perlu dibuat bagi mencapai matlamat tersebut. Hari ini perkembangan pelaksanaan wakaf dilihat telah berlakunya perubahan. Perubahan membawa kepada satu kaedah pelaksanaan yang memberi kemudahan kepada umat Islam untuk mencapai matlamat sebenar pensyariaan wakaf tersebut. Salah satu perkara yang dimaksudkan adalah pelaksanaan wakaf tunai.

Konsep wakaf tunai atau dikenali juga sebagai saham wakaf telah diperkenalkan di beberapa buah negeri di Malaysia semenjak beberapa tahun kebelakangan ini seperti Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan Selangor sendiri. Penyertaannya adalah dengan pembelian unit-unit saham yang ditawarkan melalui Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) negeri-negeri berkaitan atau apa-apa cara

---

<sup>2</sup> Badran, Badran Abu al-'Aynayn, *Ahkam al-Wasaya wa al-Awqaf fi al-Syari'ah al-Islamiyyah*, (Kaherah: Dar al-Jami'ah, 1986), 289.

pelaksanaan wakaf secara tunai. Tujuan wakaf ini diperkenalkan adalah untuk menggalakkan umat Islam berwakaf mengikut kemampuan masing-masing. Dari sudut hukum, wakaf berkonsepkan saham ini adalah sah, malah telah juga dilakukan dengan jayanya di Mesir, Turki, Singapura, India, Bangladesh dan lain-lain negara Islam di dunia ini.<sup>3</sup>

Di Negeri Selangor, saham wakaf ini telah diperkenalkan dan usaha-usaha berkaitan sentiasa dilakukan bagi menggalakkan masyarakat Islam menyertainya. Konsep ini dilihat mampu untuk terus berkembang apabila ia termaktub di dalam Enakmen Wakaf Negeri Selangor 1999 pada Seksyen 17 (1) menyebut berkaitan saham wakaf tersebut.<sup>4</sup> Ini secara tidak langsung pelaksanaan saham wakaf ini akan berdiri teguh dan mampu digerakkan apabila ia didokongi dan mendapat pengiktirafan dari undang-undang yang berkuat kuasa. Dalam melaksanakan saham wakaf ini, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menamakannya sebagai Saham Wakaf Selangor (SWS) yang bermaksud sebagai salah satu cara berwakaf melalui wang tunai dengan membeli unit-unit saham yang ditawarkan oleh MAIS sebagai pemegang amanah dan mewakafkan unit-unit saham tersebut selamanya kerana Allah s.w.t. dengan tujuan demi kepentingan dan kebajikan ummah.<sup>5</sup>

Dalam kehidupan masyarakat Islam di dunia hari ini secara umumnya, ibadah wakaf telah mula dijadikan sebagai satu kaedah memelihara kebajikan umat Islam dengan lebih efisien dan sebagai alternatif lain selain zakat. Telah ada usaha-usaha untuk mengetengahkan promosi amalan berwakaf ini agar ia dapat menyumbang

---

<sup>3</sup> Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), *Manual Pengurusan Wakaf Tunai*, (Putrajaya: JAWHAR, 2009), 12.

<sup>4</sup> Seksyen 17(1) menyebut “Majlis boleh menawarkan saham wakaf terhadap apa-apa harta yang diperolehinya atau yang akan diperolehinya kepada mana-mana orang untuk saham-saham itu dibeli dan kemudiannya diwakafkan kepada Majlis”

<sup>5</sup> Majlis Agama Islam Selangor, dicapai 10 Januari 2012, <http://www.mais.net.my>.

kepada pengumpulan dana seterusnya mampu membantu memelihara kebajikan umat Islam khususnya dan kepada masyarakat umumnya. Antara usaha-usaha yang dijalankan adalah dengan menerokai amalan-amalan yang mampu membangunkan ekonomi dan memelihara kebajikan umat Islam melalui ibadah wakaf termasuklah saham wakaf. Buktinya beberapa buah negeri di Malaysia ini seperti Johor, Melaka, Pahang dan Selangor telah memperkembangkan peranan dan tanggungjawab berwakaf bagi membantu dan mempertingkatkan ekonomi dan kebajikan umat Islam tersebut dan salah satu tumpuan yang diberikan termasuklah pelaksanaan saham wakaf itu sendiri.

## **1.2 PERMASALAHAN KAJIAN**

Instrumen wakaf berbentuk saham ini merupakan kaedah baru yang telah disepakati dan dibenarkan oleh para ulama' untuk diamalkan termasuklah di Malaysia. Oleh itu, setiap negeri yang melaksanakan saham wakaf ini telah berusaha bersungguh-sungguh untuk memberi kefahaman kepada masyarakat berkaitan amalan wakaf yang berkonsepkan saham ini terutama dalam meningkatkan aset dan dana wakaf di setiap negeri masing-masing. Perkara ini termasuklah usaha untuk meningkatkan kualiti pengurusan agar diterima oleh masyarakat. Hasilnya, apabila pengurusan yang diuruskan dapat berjalan dengan baik, ia akan memberi satu tanggapan dan kepercayaan kepada masyarakat seterusnya menyebabkan mereka berminat untuk melaksanakan saham wakaf sebagai salah satu bentuk ibadah dalam kehidupan.

Saham wakaf seperti yang dimaklumi adalah merupakan salah satu kaedah yang telah dibenarkan dan seharusnya unsur-unsur dalam pelaksanaannya menepati syarat-syarat dan rukun-rukun wakaf itu sendiri. Walaupun wujud perbezaan

pandangan di kalangan ulama' dalam perkara tertentu, tetapi mereka pada dasarnya telah menerima saham wakaf tersebut sebagai salah satu bentuk amalan yang dibolehkan. Di Malaysia, pengurusan saham wakaf merupakan tanggungjawab negeri-negeri melalui MAIN dengan berpandukan undang-undang yang berkuat kuasa sebagai rujukan. Ia menepati peranan MAIN sebagai agensi agama Islam yang bertanggungjawab bagi meningkatkan ekonomi seterusnya memelihara kebajikan umat Islam.

Sebagai sebuah agensi agama Islam, MAIN bertanggungjawab memastikan segala urusan berkaitan hal ehwal Islam di bawah bidang kuasanya menepati panduan dan ketetapan yang telah digariskan dalam Islam. Ini termasuklah dalam mengurustadbir saham wakaf yang perlu dipastikan pengurusannya dilaksana secara Islam bagi merealisasikan statusnya sebagai suatu bentuk ibadah dalam Islam.

Pengurusan secara Islam adalah berasaskan pemeliharaan setiap tanggungjawab dan amanah yang diberikan berpandukan kepada syariat Islam yang telah diturunkan. Setiap elemen yang wujud dalam pengurusan itu akan dilaksanakan mengikut ciri-ciri yang terkandung dalam Islam itu sendiri. Sehubungan itu, perkara tersebut jugalah yang sepatutnya ada dan dilakukan kepada pengurusan saham wakaf agar ia menepati kaedah pengurusan dalam Islam seterusnya akan mencapai matlamat dan tujuan pewakaf melaksanakan wakaf iaitu untuk beribadah kepada Allah s.w.t. Oleh itu, kajian ini dilakukan adalah bagi melihat bagaimana MAIS selaku salah satu agensi agama Islam yang bertanggungjawab di Malaysia dalam menguruskan saham wakaf seterusnya melaksanakan urusan berkaitan menepati perspektif pengurusan Islam. Kajian dibuat adalah bertujuan untuk melihat sejauh

mana MAIS mempraktikkan elemen-elemen pengurusan Islam tersebut dalam menguruskan saham wakaf di Negeri Selangor.

Sebagai langkah awal kajian, hasil temubual pengkaji bersama salah seorang pegawai yang menguruskan berkaitan SWS iaitu Eksekutif Sumber Manusia Bahagian Pengurusan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS)<sup>6</sup>, beliau menyatakan beberapa isu yang membelenggu dengan pengurusan saham wakaf di Negeri Selangor. Antaranya ialah berhubung perancangan pelaksanaan pengurusan dan isu-isu tertentu berkaitan pengurusan bagi memantapkan pelaksanaan saham wakaf di MAIS. Ujar beliau juga, beberapa isu perlu diambil perhatian terutama dalam mencapai tahap yang terbaik dan berkesan berkaitan pengurusan saham wakaf ini di Negeri Selangor. Akibat dari beberapa kelemahan yang masih ada, beliau berpandangan bahawa masih terdapat pihak-pihak yang belum dapat menerima kelebihan yang wujud apabila menyertai skim saham wakaf ini. Oleh itu, apa yang berlaku, pihak-pihak yang berkenaan seolah-olah tidak menunjukkan minat untuk turut serta pada skim saham wakaf ini. Akhirnya, beliau juga berpandangan bahawa pengurusan saham wakaf perlu diperkemas dari segi urusan-urusan dan proses-proses sedia ada bagi melihat saham wakaf yang diwujudkan ini benar-benar dapat dimanfaatkan sehingga mampu mengembangkan ekonomi, mengumpul dana seterusnya memelihara kebajikan umat Islam di Negeri Selangor. Sehubungan itu, sekiranya isu ini dapat ditangani secara positif, maka saham wakaf yang menjadi salah satu sumber ekonomi dan sumber pembangunan umat Islam akan mampu untuk berperanan dalam mencapai maksud dan tujuan pensyariatannya. Untuk itu, kajian

---

<sup>6</sup> Berdasarkan temubual dengan Mohd. Azmi bin Misron (Eksekutif Sumber Manusia, Bahagian Pengurusan PWS) di Pejabat Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS di Shah Alam 10.30 pagi, 10 Januari 2012. Sebelum menjawat jawatan sekarang, beliau telah menjawat jawatan selaku Penolong Hal Ehwal Islam di Unit Wakaf, Bahagian Baitul Mal MAIS yang bertanggungjawab berkaitan Saham Wakaf Selangor selama hampir lima tahun.

berhubung pengurusan saham wakaf perlu dijalankan agar ia dapat diuruskan dengan berpandukan elemen yang telah ditetapkan terdapat dalam Islam.

### **1.3 PERSOALAN KAJIAN**

Antara persoalan kajian yang dapat disimpulkan dari latar belakang dan permasalahan kajian ialah :

1. Apakah pandangan Islam berkaitan saham wakaf ?
2. Bagaimanakah MAIS melaksanakan pengurusan saham wakaf bagi mengumpul dan meningkatkan dana ekonomi umat Islam?
3. Sejauhmana pengurusan saham wakaf di MAIS menepati perspektif pengurusan Islam?
4. Apakah cadangan-cadangan bagi memperkemaskan aspek pengurusan saham wakaf di MAIS?

### **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian adalah seperti berikut :

1. Untuk meneliti pandangan Islam berkaitan saham wakaf.
2. Untuk mengkaji pendekatan pelaksanaan saham wakaf yang dilakukan di MAIS.
3. Untuk menganalisis pelaksanaan saham wakaf di MAIS menurut perspektif pengurusan Islam.
4. Untuk mengemukakan cadangan-cadangan bagi memperkemaskan aspek pengurusan saham wakaf berdasarkan masalah dan cabaran yang dihadapi.



## **1.5 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian yang dijalankan ini diharap dapat memberi input tentang aspek pengurusan saham wakaf yang dijalankan di Negeri Selangor dalam memelihara kebajikan masyarakat Islam di negeri ini.

Melalui kajian ini juga, pengkaji berharap untuk mengenal pasti pelaksanaan SWS di MAIS menurut perspektif pengurusan Islam termasuklah dari sudut sumber, falsafah, fungsi, prinsip yang mana perkara-perkara tersebut merupakan elemen-elemen yang terkandung dalam pengurusan dan perkara yang dihadapi di sesebuah organisasi.

Selain itu, dapatan kajian juga boleh dimanfaatkan oleh badan-badan yang bertanggungjawab dengan saham wakaf ini di Malaysia umumnya dan di Negeri Selangor khususnya untuk terus membangun serta memperkasakan pengurusan saham wakaf ke arah yang lebih baik.

Jika dilihat dari sudut disiplin ilmu pula, selain menambahkan ilmu pengetahuan berkaitan pelaksanaan saham wakaf, kajian ini juga diharap dapat memberi input baru daripada perspektif yang berbeza iaitu saham wakaf menurut perspektif pengurusan Islam. Ini berlaku apabila saham wakaf sebagai salah satu ibadah akan dijelaskan berhubung bagaimana ianya diuruskan dengan menepati elemen-elemen yang terdapat dalam pengurusan Islam. Hasil kajian akan memperlihatkan pengamalan pengurusan Islam samada ia diamalkan sepenuhnya atau tidak dalam pengurusan saham wakaf di MAIS .

## 1.6 SKOP KAJIAN

Kajian yang dilakukan oleh pengkaji adalah berkaitan pengurusan yang dilakukan oleh MAIS berhubung pelaksanaan SWS.

Terdapat beberapa faktor pengkaji menjadikan MAIS sebagai lokasi kajian. Antaranya ialah MAIS adalah antara badan agama negeri terawal di Malaysia ini selain Johor, Negeri Sembilan dan Melaka yang telah menguatkuasakan undang-undang wakaf secara khusus iaitu melalui Enakmen Wakaf Negeri Selangor 1999.<sup>7</sup> Oleh itu, dengan pemilihan MAIS ini akan dapat melihat bagaimana pelaksanaan SWS tersebut menurut perspektif pengurusan Islam di salah satu agensi yang telah lama melaksanakan saham wakaf ini. Selain itu juga, Negeri Selangor merupakan negeri di Malaysia ini yang telah diisytiharkan sebagai sebuah negeri maju pada tahun 2005 yang lalu<sup>8</sup>. Faktor sebuah negeri berstatus negeri maju ini diharap dapat memberi maklumat tambahan yang ada iaitu bagaimana pelaksanaan saham wakaf ini berpandukan ciri-ciri yang mungkin berkaitan di sebuah negeri maju tersebut. Selain itu, ia boleh dijadikan kayu pengukur dalam pelaksanaan saham wakaf disokong dengan kelebihan yang ada di Negeri Selangor itu kepada pihak-pihak lain untuk dijadikan contoh dan panduan.

Dalam kajian ini juga, pengkaji memfokuskan analisis kajian kepada urusan pelaksanaan saham wakaf yang dijalankan di MAIS iaitu berkaitan sumber, falsafah, fungsi, prinsip dan matlamat yang merupakan elemen-elemen terpenting dalam pengurusan Islam. Dengan kata lain, aspek-aspek seperti promosi dan pembangunan saham wakaf tidak akan disentuh dalam kajian ini.

---

<sup>7</sup> Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), *Manual Pengurusan Wakaf Tunai*, 14.

<sup>8</sup> Bahagian Pengurusan Dakwah, JAIS, *Selangor Maju Menurut Perspektif Islam*, (Shah Alam: JAIS, 2005), 8.

Manakala dari sudut pemilihan responden pula, memandangkan Perbadanan wakaf Selangor (PWS) adalah agensi yang telah dipertanggungjawabkan di MAIS dalam melaksanakan pengoperasian SWS, kajian ini turut menjalankan temubual dengan beberapa individu di MAIS dan PWS bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan dengan lebih jelas dan terperinci. Responden yang dipilih adalah individu yang mempunyai kaitan penting dan terlibat secara langsung dalam pengurusan SWS. Oleh itu, dengan dapatan yang diperolehi melalui responden tersebut, telah melengkapkan lagi hasil kajian yang dilakukan oleh pengkaji.

## **1.7 KAJIAN LITERATUR**

Di Malaysia, isu pembangunan dan pengurusan harta wakaf telah menarik perhatian pelbagai pihak untuk dibincangkan. Perkara ini diperkukuhkan lagi apabila terdapat pelbagai lapisan masyarakat khususnya para ulama', ahli akademik, golongan profesional dan para penyelidik di institusi-institusi pengajian tinggi dan lain-lain pihak yang berkepentingan telah terlibat dalam mengkaji dan memberi pandangan mereka dalam perkara berkaitan. Seterusnya, perkembangan ini dilihat dengan lebih jelas apabila Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) diwujudkan di bawah Jabatan Perdana Menteri seterusnya menjadi satu bukti pengiktirafan oleh kerajaan Malaysia kepada institusi ini serta dilihat sebagai mekanisme penting dalam menjana pembangunan ekonomi umat Islam di Malaysia khususnya.

Terdapat beberapa kajian lalu yang telah dilakukan oleh individu tertentu berkaitan aspek pengurusan wakaf umumnya dan berkaitan saham wakaf khususnya. Melalui kajian-kajian tersebut boleh dibahagikan kepada beberapa sudut tertentu seperti kajian berkaitan fiqh, perundangan, pembangunan ekonomi dan pengurusan.

Kajian dari sudut fiqh berkaitan wakaf, Mahmud Saedon Awang Othman<sup>9</sup> dalam kajian beliau, beliau telah menumpukan perbincangan berhubung konsep wakaf dari perspektif fiqh dan peranan wakaf dalam pembangunan ummah.

Mohamad Akram Laldin dan lain-lain<sup>10</sup> telah berpandangan pensyariatkan wakaf dan hubungannya dengan *maqasid syariah*. Bagi mereka wakaf ini perlu dilihat semula pada *maqasidnya* agar tujuan dan matlamat wakaf yang dilakukan akan dapat mencapai matlamat disyariatkan. Perkara itu perlu dilihat dari beberapa sudut seperti melalui ciri-ciri wakaf dan hukum-hakam wakaf yang dipraktikkan yang mempunyai kaitan pada *maqasid syariah* itu sendiri. Sekiranya ini berlaku, bukan sahaja ibadah wakaf yang dilakukan akan lebih dihayati, malah banyak masalah sosio-ekonomi ummah dapat diatasi.

Seterusnya Noor Naemah Abd Rahman dan lain-lain<sup>11</sup> telah memberi pandangan berkaitan fatwa-fatwa wakaf di Negeri Kelantan. Pemakaian Mazhab Syafi'e dalam fatwa isu-isu wakaf di Kelantan dalam era terdahulu adalah satu kemestian. Manakala dalam era mutakhir ini terdapat perubahan paradigma berhubung perkara tersebut. Fatwa-fatwa tidak lagi terikat dengan Mazhab Syafi'e, bahkan dicampur aduk dengan berbagai-bagai mazhab yang lain.

Ketiga-tiga kajian yang telah dijalankan dari sudut fiqh berkaitan wakaf di atas telah memberi pengetahuan dan pemahan berkaitan pensyariatkan ibadah wakaf.

---

<sup>9</sup> Mahmud Saedon Awang Othman, "Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ummah", dalam Ahmad Ibrahim *et. al* (ed), *Undang-undang Keluarga dan Harta Wakaf*, Jil.6, Cet.1, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), 157.

<sup>10</sup> Mohamad Akram Laldin, Mek Wok Mahmud, Mohd. Fuad Sawari "Maqasid Syariah Dalam Pelaksanaan Waqaf" (kertas kerja, Konvensyen Wakaf Kebangsaan, Kuala Lumpur 14-16 September 2006).

<sup>11</sup> Noor Naemah Abd Rahman, Luqman Abdullah dan Anisa Abd. Ghani, "Fatwa-fatwa Wakaf Di Malaysia : Analisa Khusus Di Negeri Kelantan" (kertas kerja, Konvensyen Wakaf Kebangsaan, Kuala Lumpur 14-16 September 2006)

Perbincangan yang diketengahkan telah memberi satu kesimpulan bahawa ibadah wakaf itu perlu disuburkan dengan sebaiknya agar ia mampu mencapai matlamat pensyariatannya termasuklah dalam memelihara kebajikan umat Islam khususnya.

Dari sudut perundangan, Suwaid Tapah<sup>12</sup> mengkaji berkaitan pentadbiran harta wakaf di Malaysia di bawah Majlis Agama Islam Negeri serta bidang kuasa mereka dengan merujuk kepada setiap peruntukan di dalam enakmen pentadbiran Hukum Syarak negeri-negeri.

Mohd Zain Hj Othman<sup>13</sup> pula lebih menekankan dalam tulisannya tentang konsep wakaf dan permasalahan yang dihadapi oleh Majlis Agama Islam di Malaysia dengan mengemukakan beberapa saranan termasuk cadangan pindaan Akta Kawalan Sewa 1966, Akta Pemegang Amanah 1969 dan Akta Pengambilan Tanah 1960.

Seterusnya, kajian oleh Mohd Afandi Mat Rani,<sup>14</sup> beliau dapati bahawa bidang tugas Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) berdasarkan Enakmen Agama Islam Kelantan 1994 Seksyen 5,6 dan 7 telah memperuntukkan bidang kuasa Majlis dalam urusan pewakafan harta umat Islam dan Majlis Jemaah Ulama menjadi rujukan utama dalam menyelesaikan segala permasalahan dan pertikaian yang timbul. Dalam masa kajian beliau, beliau dapati di Kelantan masih tidak terdapat undang-undang bertulis tentang pewakafan harta amanah orang-orang Islam di negeri itu. Enakmen yang ada hanya menyentuh secara umum, tidak seperti Johor,

---

<sup>12</sup> Suwaid Tapah, "Undang-undang Pentadbiran Wakaf Malaysia", *Jurnal Syariah*, Jil. 2, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1994), 81.

<sup>13</sup> Mohd Zain Hj Othman, "Wakaf Dari Perspektif Undang-undang Islam, Amalan dan Permasalahannya di Malaysia", dalam Ahmad Ibrahim *et. al.*(ed), *Undang-undang Keluarga dan Harta Wakaf*, Jil. 6, Cet.1, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), 179.

<sup>14</sup> Mohd Afandi Mat Rani, "Undang-Undang Pentadbiran Harta Wakaf Di Negeri Kelantan" (disertasi sarjana, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2002).

Perak, Terengganu dan Selangor yang telah ada yang menyatakan secara berasingan dengan pentadbiran yang lain.

Mohd Zaidi Bin Daud dalam disertasinya<sup>15</sup> telah menyatakan bahawa wujudnya beberapa perkara berbangkit melibatkan perkara hukum-hukum Syarak dan undang-undang dalam kes wakaf yang diputuskan. Penemuan didapati bahawa wujud pertindihan bidang kuasa antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil dan ianya berterusan sehingga ke hari ini dan masih belum dapat diselesaikan sepenuhnya. Oleh itu, beberapa permasalahan wujud dalam menyelesaikan hukum wakaf dalam sesetengah kes yang berbangkit, seterusnya menggambarkan seolah-olah Mahkamah Syariah tidak mampu menyelesaikan perkara berhubung pembangunan ekonomi umat Islam.

Siti Mashitoh Mahamood<sup>16</sup> juga telah menulis berkaitan undang-undang berkaitan harta wakaf dan pelaksanaan *istibdal* di Malaysia dan tumpuan kajian beliau adalah di Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) , Kuala Lumpur. Secara umumnya, kajian beliau adalah berkaitan bagaimana MAIWP telah melaksanakan urusan berkaitan bertepatan dengan kehendak pewakaf menurut peraturan-peraturan dan pengurusan-pengurusan yang telah diwujudkan.

Melalui kajian-kajian dari sudut perundangan seperti di atas dapat membantu pelaksanaan wakaf khususnya di Malaysia dengan lebih efisien. Ini kerana , hasil-hasil kajian didapati, sekiranya usaha-usaha berkaitan ingin dijalankan perlu melihat

---

<sup>15</sup> Mohd Zaidi Bin Daud, "Isu-isu Perundangan Dalam Kes-kes Wakaf Di Malaysia", (disertasi sarjana, Jabatan Syariah Dan Undang-undang, APIUM, Kuala Lumpur, 2009).

<sup>16</sup> Siti Mashitah Mahamood, " The Administration Of Waqf, Pious Endowment In Islam: A Critical Study Of The Role Of The State Islamic Religious Concils As The Sole Trustees Of Awqaf Assets And The Implementation Of Istibdal In Malaysia With Special Reference To The Federal Territory Of Kuala Lumpur" (thesis doctor of philosophy, Department Of Theology School Of Historical Studies The University Of Birmingham, 2000).

dari sudut undang-undang yang terpakai di Malaysia lebih-lebih lagi berkaitan kuasa serta peraturan agama Islam di Malaysia ini masih terletak di bawah kuasa negeri masing-masing melalui enakmen-enakmen dan akta-akta berkaitan. Oleh itu, peraturan-peraturan tersebut perlu diteliti sebaiknya agar pelaksanaan wakaf tersebut mampu mencapai matlamat pensyariatannya.

Kajian wakaf daripada sudut pembangunan harta wakaf juga tidak kurang banyaknya, seperti kajian yang dijalankan oleh Asmak Binti Abdul Rahman<sup>17</sup>. Beliau menyatakan bahawa wakaf telah berperanan untuk membangunkan umat Islam di Malaysia. Antara peranan-peranan tersebut termasuklah dalam penyediaan pendidikan, menyediakan keperluan kemudahan perumahan, menyediakan keperluan kesihatan, menggerakkan keperluan ekonomi, menyediakan tempat peribadatan, memajukan sektor pertanian, menangani kebajikan anak yatim dan menangani kemiskinan. Beliau juga menyatakan, walau bagaimanapun dengan kekangan kewangan yang ada dalam institusi wakaf di Malaysia, proses pemanfaatan harta-harta wakaf ini turut sama mendapat bantuan kerajaan. Ini kerana Majlis Agama Islam Negeri sebagai pemegang amanah pengurus wakaf tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi bagi membangunkan harta-harta wakaf yang telah diwakafkan oleh masyarakat Muslim. Kerajaan telah membantu membangunkan harta-harta wakaf tersebut dengan memberi peruntukan melalui bajet RMK9 bagi membangunkan projek-projek yang telah dikenal pasti.

---

<sup>17</sup> Asmak Bin Ab. Rahman , “ Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya Di Malaysia”, *Jurnal Syariah* 17, Bil. 1, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2009), 113-152.

Megat Mohd. Ghazali Megat Abd. Rahman dan lain-lain<sup>18</sup> telah menghuraikan masalah-masalah dalam membangunkan tanah wakaf di Malaysia. Melalui permasalahan yang didapati itu menyebabkan institusi wakaf di Malaysia ini gagal menjana pendapatan yang dapat dimanfaatkan oleh seluruh umat Islam. Dengan itu, mereka juga telah mencadangkan beberapa strategik untuk membangunkan tanah wakaf secara menyeluruh bagi menghidupkan semula institusi wakaf sebagai satu institusi bebas yang boleh menjana sosio-ekonomi ummah.

Satu kajian lain berhubung dengan pembangunan sudut ekonomi pula telah dibuat oleh Dedy Rachmad<sup>19</sup>. Beliau telah mengkaji berkaitan peranan wakaf produktif dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat Muslim di Jakarta Selatan, Indonesia. Beliau mendapati, wakaf produktif banyak membantu masyarakat Muslim di Jakarta Selatan berhubung dengan taraf pendidikan, taraf kesihatan, taraf ekonomi dan dapat menyediakan kemudahan awam yang diperlukan oleh masyarakat seperti rumah anak yatim, pusat perdagangan, pertanian, perkebunan dan lain-lain.

Murtadho Ridwan<sup>20</sup> menyatakan dalam kajiannya bahawa, institusi wakaf banyak memberi sumbangan dalam menyediakan kemudahan awam yang diperlukan terutama dalam mengatasi masalah kemiskinan di Jawa Tengah, Indonesia. Peranan pemerintah amat-amat diperlukan untuk mengelola harta wakaf yang sedia ada.

---

<sup>18</sup> Megat Mohd. Ghazali Megat Abd. Rahman, Asiah Othman, Hussin Salamon, Nasrul Hisyam Nor Muhamad, Adibah Muhtar dan Akmaliza Abdullah, "Pembangunan Tanah Wakaf – Isu, Prospektif dan Strategi" (kertas kerja, Konvensyen Wakaf Kebangsaan, Kuala Lumpur pada 14-16 September 2006).

<sup>19</sup> Dedy Rachmad, "Peranan Wakaf Produktif Dalam Meningkatkan Taraf Hidup Masyarakat Muslim Di Jakarta Selatan, Indonesia", (disertasi sarjana, Jabatan Syariah Dan Ekonomi, APIUM, Kuala Lumpur, 2008).

<sup>20</sup> Murtadho Ridwan, "Peranan Wakaf Dalam Mengatasi Masalah Kemiskinan: Kajian Di Jawa Tengah, Indonesia", (disertasi sarjana, Jabatan Syariah Dan Ekonomi, APIUM, Kuala Lumpur, 2006).



Kajian yang telah dibuat dari sudut pembangunan harta wakaf dan pembangunan ekonomi di atas telah memberi satu gambaran bahawa sebenarnya ibadah wakaf mampu membangunkan taraf kehidupan umat Islam khususnya di Malaysia. Matlamat membangun dan memelihara kebajikan tersebut mampu untuk dicapai sekiranya ada perancangan yang rapi dalam melaksanakan wakaf itu sendiri. Oleh itu, pelaksanaan wakaf itu perlu diuruskan dengan sebaik mungkin yang akhirnya akan menjadi salah satu kaedah alternatif dalam memelihara kebajikan umat Islam di negara ini.

Dari sudut pengurusan pula ialah sebuah artikel yang ditulis oleh Ahmad Zaki Hj. Abd. Latiff dan rakan-rakan<sup>21</sup> yang membincangkan isu pengurusan wakaf di Malaysia, cabaran dan potensi masa depan. Kajian yang luas ini mencakupi aspek pengurusan dan perundangan harta wakaf sebagaimana yang terkandung dalam fiqh wakaf dan amalannya di setiap negeri di Malaysia dengan membuat kajian secara perbandingan dengan negara-negara Islam lain seperti Mesir, Sudan, Kuwait dan lain-lain dalam mentadbir serta membangunkan wakaf secara profesional, efisien dan produktif. Hasil kajian didapati bahawa secara keseluruhannya, masalah dan kekangan yang dihadapi oleh institusi pentadbiran wakaf masih berada pada tahap yang sama. Walau bagaimanapun, terdapat juga perkembangan serta peningkatan dalam usaha-usaha untuk membangunkan harta wakaf terutama apabila wujud bentuk-bentuk wakaf yang kontemporari seperti wakaf wang, saham wakaf, bon Islam dan wakaf pendidikan. Oleh itu, apabila melihat semua perkara ini, dapat disimpulkan bahawa pembangunan harta wakaf mempunyai potensi yang cerah

---

<sup>21</sup> Ahmad Zaki Hj. Abd. Latiff, Abdul Halim Ramli, Che Zuina Bt. Ismail, Kamarulzaman Sulaiman, "Pengurusan Harta Wakaf di Malaysia: Cabaran Dan Potensi Masa Depan", *Jurnal Akademik UTM*, Johor, Jil.5, Jan-Jun 2005, (Johor: UTM, 2005).

untuk menjana ekonomi umat Islam dan peranan ini juga telah dibuktikan dalam sejarah dan tamadun Islam yang lampau.

Baharudin Sayin<sup>22</sup> di dalam kajiannya pula menyatakan tentang perlunya penyeragaman dalam pentadbiran dan pengurusan wakaf dalam memberi fokus terhadap beberapa negeri di Malaysia, antaranya ialah Kelantan, Terengganu, Negeri Sembilan, Johor dan lain-lain. Kajian yang dibuat adalah berdasarkan perbandingan terhadap pentadbiran tanah wakaf di antara negeri-negeri tersebut dengan menghadkan kajian di sekitar tahun 1980 hingga 1990.

Kajian seterusnya yang dibuat oleh Sayuti Abd. Ghani<sup>23</sup>, beliau memfokuskan pentadbiran harta wakaf di Negeri Melaka. Beliau berpendapat masih banyak harta wakaf yang belum dipindah milik atas nama Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) selaku pemegang amanah tunggal harta-harta umat Islam di negeri itu. Selain itu beliau dapati MAIM juga menghadapi masalah-masalah lain dalam pengurusan berkaitan seperti kekurangan dana yang menyebabkan banyak tanah yang berpotensi tidak dapat dibangunkan, kekurangan kakitangan yang mahir dalam selok-belok pembangunan harta tanah dan tiada rekod-rekod rasmi berkaitan tanah wakaf dalam simpanan MAIM. Dari sudut penggunaan harta wakaf pula, kebanyakannya disewa dan oleh sebab itu, pulangnya hanya cukup untuk penyelenggaraan harta tanah wakaf tersebut.

---

<sup>22</sup> Baharudin Sayin, "Sistem Pentadbiran wakaf Negeri-Negeri Di Semenanjung Malaysia : Satu Kajian" (disertasi sarjana, Fakulti Pengajian Syariah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1994).

<sup>23</sup> Sayuti Abd Ghani, "Pentadbiran Dan Pembangunan Harta Wakaf di Negeri Melaka", (disertasi sarjana, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2001).

Menurut Nor ‘Azzah binti Kamri<sup>24</sup> dalam menguruskan urusan wakaf perlu ada etika tertentu agar pengurusan yang dijalankan dapat dijalankan dengan berkesan serta mencapai matlamat dan manfaat wakaf yang dilakukan boleh di kecapai oleh semua seperti hasrat pewakaf. Selain itu beliau berpandangan bahawa dengan pengamalan etika dalam pengurusan wakaf akan dapat mewujudkan budaya profesional dalam pengurusan wakaf dan mengembalikan budaya berwakaf seperti yang dirasai sebelum ini.

Kajian-kajian di atas menunjukkan bahawa pengurusan pelaksanaan wakaf perlu ditadbir urus dengan baik. Matlamat pensyariatan wakaf itu perlu dijadikan teras kepada setiap perancangan gerak kerja dan pengurusan yang dijalankan. Oleh itu, kajian-kajian yang telah dilakukan sebelum ini berkaitan pentadbiran dan pengurusan wakaf itu mampu untuk memberi petunjuk serta pengalaman yang perlu dirujuk bagi memperkemaskan sistem pengurusan wakaf yang ingin dijalankan.

Akhirnya, terdapat juga kajian khusus berkaitan saham atau wakaf tunai yang telah dibuat oleh beberapa orang pengkaji. Contohnya, Mohd. Bakri bin Ibrahim<sup>25</sup> telah melihat pelaksanaan skim wakaf tunai oleh Yayasan Wakaf Malaysia (YWM). Dalam kajian beliau, terdapat panduan dan rujukan dalam pelaksanaan Skim Wakaf Tunai di YWM dalam mengumpul dana wakaf sebagai kesesuaian institusi ini berperanan sebagai sebuah entiti wakaf kebangsaan.

---

<sup>24</sup> Nor ‘Azzah Bin Kamri, “The Roles Of Ethics In Waqf Management: Case Of Jawhar”, *Jurnal Syariah*, Jil. 18, Bil. 3, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2010), 659-680.

<sup>25</sup> Mohd. Bakri bin Ibrahim, “Pelaksanaan Skim Wakaf Tunai Oleh Yayasan Wakaf Malaysia” *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, Vol.2, No.1, (Putrajaya: JAWHAR, 2008), 1-12.

Mohd. Fauzi Mustaffa<sup>26</sup> menyatakan bahawa wakaf tunai boleh dijanakan melalui produk takaful. Perkara ini dilakukan apabila ulama telah membenarkan wakaf secara tunai ini diharuskan dan bukan itu sahaja, malah pelaburan terhadap modal yang diwakaf juga diharuskan bagi menghasilkan keuntungan yang berganda. Oleh itu, Syarikat Takaful Malaysia telah menjadi perintis produk wakaf dalam industri takaful. Dengan ini, Takaful Malaysia juga telah membuka jalan kepada masyarakat untuk melakukan amalan bersedekah jariah yang dapat memberikan kebaikan kepada pembangunan Islam dan umat Islam khususnya.

Nooh b. Gadot<sup>27</sup> telah menghuraikan berkaitan amalan saham wakaf di Negeri Johor. Beliau telah menyatakan beberapa perkara berkaitan seperti kuasa atau peraturan yang diguna pakai dalam amalan wakaf di Negeri Johor, konsep dan prosedur yang diguna pakai dan projek-projek yang dilakukan dari hasil kutipan saham wakaf di Negeri Johor.

Kajian-kajian dari sudut saham wakaf seperti di atas menunjukkan amalan berwakaf melalui wang tunai ini sudah dibincangkan dan diterima pakai terutama kepada umat Islam di Malaysia khususnya. Oleh itu, melalui dapatan-dapatan yang telah dinyatakan itu menunjukkan bahawa tidak akan timbul masalah dalam mengembangkan lagi pelaksanaan wakaf dengan saham wakaf ini. Akhirnya, matlamat ibadah wakaf itu mampu dicapai melalui kaedah-kaedah tertentu yang akan memudahkan masyarakat di Malaysia untuk melaksanakan ibadah wakaf tersebut.

---

<sup>26</sup> Mohd. Fauzi Mustaffa, "Peranan Takaful Dalam Penjanaan Wakaf Tunai Sebagai Produk Baru Wakaf" (kertas kerja, Konvensyen Wakaf Kebangsaan, Kuala Lumpur pada 14-16 September 2006).

<sup>27</sup> Nooh bin Gadot, "Amalan Saham Wakaf Johor"(kertas kerja, Konvensyen Wakaf Kebangsaan, Kuala Lumpur, pada 14-16 September 2006).

Berdasarkan kajian-kajian literatur yang dinyatakan di atas, jelas kelihatan sudah terdapat kajian berkaitan pengurusan wakaf dan saham wakaf khususnya di Malaysia serta umumnya di Nusantara Tanah Melayu. Kajian-kajian tersebut sedikit sebanyak dapat menggambarkan perkembangan wakaf dari pelbagai sudut dan mempunyai banyak ruang untuk dikembangkan. Bezanya kajian-kajian yang telah dilakukan sebelum ini dengan kajian oleh pengkaji dalam disertasi ini ialah, kajian ini telah memfokuskan kepada pengurusan pelaksanaan saham wakaf menurut perspektif Pengurusan Islam. Pengkaji menghuraikan apakah dan bagaimanakan hubungan Pengurusan Islam itu dengan pelaksanaan saham wakaf serta kenapa perlunya saham wakaf itu diuruskan mengikut cara Pengurusan Islam. Oleh itu sebagai landasannya, kajian ini menekankan analisis tentang sumber, falsafah, fungsi, prinsip dan matlamat Pengurusan Islam dalam pelaksanaan saham wakaf yang diuruskan di MAIS sebagai fokus yang dikaji. Oleh itu, hasil dapatan kajian ini diharapkan akan dapat menjelaskan sejauh mana pengurusan pelaksanaan saham wakaf dilakukan di MAIS menepati Pengurusan Islam. Dengan ini juga diharapkan akan memberi impak kepada amalan berwakaf yang terdapat di Malaysia.

## **1.8 METODOLOGI KAJIAN**

Metode yang digunakan dalam kajian ini bagi mengumpul dan menganalisis maklumat adalah seperti berikut :

### **1.8.1 Pengumpulan Data**

Dalam melakukan pengumpulan data, dua metode telah dilakukan iaitu :

#### i. Kajian Perpustakaan

Perkara pertama yang telah dilakukan oleh penulis ialah merujuk kepada kitab-kitab muktabar yang membincangkan isu ini iaitu dari al-Quran, hadis, kitab fikah dan pandangan serta pendapat ulama' untuk melihat penghuraian berkaitan wakaf dan saham wakaf terutama berhubung definisi, rukun dan lain-lain yang berkaitan dengannya.

Pada peringkat kajian, pengkaji telah mengunjungi beberapa perpustakaan khususnya Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Negeri Selangor, Perpustakaan Waqaf MAIS, Perpustakaan Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Perpustakaan Pusat Islam Kuala Lumpur dan lain-lain perpustakaan.

Dalam kajian ini, pengkaji bukan sahaja bergantung sepenuhnya kepada buku-buku ilmiah semata-mata, tetapi pengkaji telah merujuk kepada bahan-bahan ilmiah yang lain seperti majalah-majalah, akhbar-akhbar, kertas-kertas kerja, kertas-kertas seminar, kertas-kertas simposium, laporan tahunan serta dokumen-dokumen lain yang berkaitan dengan pengkajian ini. Buku-buku yang dirujuk adalah untuk mendapatkan fakta-fakta yang tepat mengenai wakaf dan ia juga sebagai bukti pengukuhan dalil yang dikemukakan. Secara tidak langsungnya, perkara yang didapati ini telah memenuhi objektif kedua dan ketiga kajian.

#### ii. Kajian Lapangan

Data-data primer kajian ini diperolehi daripada kajian lapangan yang melibatkan metode temubual.

Teknik temubual yang digunakan oleh pengkaji telah dibuat secara formal iaitu dibuat dengan temu janji dan dalam bentuk semi struktur. Selain itu juga teknik ini juga telah dilakukan secara berterusan bergantung pada maklumat yang diperlukan di samping mendapatkan persetujuan daripada individu berkaitan. Selain itu, pengkaji juga telah berhubung melalui telefon dan e-mel sebagai antara cara temu bual yang telah dibuat bersama individu yang berkaitan dan yang paling penting apa yang telah dilakukan oleh pengkaji adalah melihat kepada kemudahan dan keselesaan individu berkaitan dalam memberi maklumat yang diperlukan. Soalan temubual adalah seperti yang dilampirkan.

Pihak yang telah terlibat melalui kaedah temubual ini adalah individu yang berautoriti dan terlibat secara langsung dengan pentadbiran MAIS dan pengurusan saham wakaf di PWS ini seperti :

i. Abdul Halem Hapiz bin Salihin, Mantan Timbalan Setiausaha MAIS. Temubual dijalankan di Ibu Pejabat MAIS, di Tingkat 10, Bangunan Sultan Idris Shah, Seksyen 5, Bukit SUK, Shah Alam pada pukul 11.30 pagi, bertarikh 6 Jun 2012. Beliau adalah individu yang bertanggungjawab membantu Setiausaha MAIS bagi menggerakkan pengoperasian pentadbiran dan pengurusan MAIS. Temubual dilakukan adalah bagi mendapatkan maklumat berkaitan pengurusan MAIS terutama berkaitan asal usul pelaksanaan saham wakaf di Negeri Selangor.

ii. Rohana binti Hassan, Pengurus Perhubungan Korporat MAIS. Temubual melalui telefon pada 19 September 2012. Beliau adalah individu yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan segala urusan berkaitan maklumat korporat MAIS. Temubual dilakukan bagi mendapatkan

pengesahan beberapa berkaitan maklumat dasar MAIS seperti struktur organisasi MAIS dan lain-lain.

iii. Encik Abu Bakar bin Yang, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Wakaf Selangor. Temubual dijalankan di Ibu Pejabat PWS, di Tingkat 10, Bangunan Sultan Idris Shah, Seksyen 5, Bukit SUK, Shah Alam pada pukul 10.30 pagi, bertarikh 21 Jun 2012. Beliau adalah individu yang bertanggungjawab bagi mengetuai operasi di PWS termasuklah perkara berkaitan pelaksanaan saham wakaf di MAIS. Temubual dilakukan bertujuan bagi mendapatkan maklumat mengenai latar belakang dan pelaksanaan saham wakaf oleh MAIS serta matlamat dan tujuannya dengan pelaksanaan SWS dengan lebih terperinci.

iv. Ustaz Anuar Hamzah bin Tohar, Pengurus, Bahagian Pemasaran dan Dakwah, PWS, di Tingkat 10, Bangunan Sultan Idris Shah, Seksyen 5, Bukit SUK, Shah Alam pada pukul 10.30 pagi, bertarikh 21 Jun 2012 dan pada 9.30 pagi bertarikh 1 Ogos 2012. Beliau adalah individu yang diberi tanggungjawab mengetuai Bahagian Pemasaran dan Dakwah, PWS termasuklah pengurusan berkaitan pelaksanaan SWS. Temu bual dilakukan bertujuan bagi mendapatkan maklumat mengenai pelaksanaan saham wakaf oleh MAIS dan gerak kerja pengurusan-pengurusan berkaitan dengan lebih terperinci.

v. Encik Nasrun bin Ahmad, Penolong Pegawai Eksekutif, Bahagian Pemasaran dan Dakwah, PWS, melalui telefon pada 10 September 2012. Beliau adalah individu yang bertanggungjawab langsung kepada urusan pengoperasian berkaitan SWS. Temu bual adalah bertujuan untuk



mendapatkan maklumat berkaitan pelaksanaan saham wakaf dengan lebih terperinci.

vi. Encik Mohd. Azmi bin Misron, Eksekutif Sumber Manusia, Bahagian Pengurusan, PWS, di Tingkat 10, Bangunan Sultan Idris Shah, Seksyen 5, Bukit SUK, Shah Alam pada pukul 10.30 pagi, bertarikh 21 Jun 2012 dan pada 9.30 pagi bertarikh 1 Ogos 2012. Beliau diberi tanggungjawab untuk menguruskan hal ehwal pentadbiran termasuklah berkaitan pelaksanaan saham wakaf di PWS. Temu bual dilakukan bertujuan bagi mendapatkan maklumat mengenai pengurusan tertentu seperti sumber manusia dan perkara berkaitan dengan lebih terperinci dalam pelaksanaan SWS.

Secara amnya, pegawai-pegawai yang disebut di atas adalah mereka yang mempunyai kaitan langsung dengan MAIS dan bertanggungjawab dalam melakukan segala kerja-kerja operasi pengurusan SWS. Bagi memperkukuhkan dapatan kajian melalui temubual, pengkaji turut merujuk maklumat yang ada di perpustakaan dan dokumentasi yang ada di MAIS serta PWS berhubung perkara berkaitan. Metode yang digunakan ini adalah bagi mencapai objektif keempat kajian.

### **1.8.2. Penganalisan Data**

Pengkaji menganalisa maklumat-maklumat yang diperolehi secara kualitatif. Penganalisan ini juga telah berdasarkan kepada hasil dan penelitian bahan ilmiah yang lain. Pengkaji telah menggunakan dua metode yang penting seperti yang tersenarai di bawah ini, iaitu :

i. Metode Induktif

Ia merupakan cara membuat kesimpulan bagi perkara-perkara yang bersifat umum dan untuk mencari kesimpulan yang bersifat khusus. Data yang diperolehi digunakan untuk menghuraikan masalah dan membentuk kerangka teori. Jelas lagi, metode ini digunakan dalam melihat konsep ibadah wakaf, perkara berkaitan pengurusan Islam, konsep saham wakaf dan pelaksanaan saham wakaf yang telah dikupas oleh para ulama', ahli akademik dan pihak berautoriti berkaitan. Seterusnya hasil dapatan tersebut akan disimpulkan untuk memberikan pandangan yang lebih khusus dari pengkaji. Data-data dan maklumat-maklumat diperolehi melalui penyelidikan perpustakaan dan dokumen-dokumen berkaitan sedia ada yang bersifat primer dan sekunder . Pengkaji menggunakan metode ini dalam bab kedua, ketiga dan keempat dalam membentuk satu kesimpulan yang tepat.

ii. Metode Deduktif

Ia merupakan cara membuat kesimpulan dengan berpandukan daripada dalil-dalil yang bersifat khusus untuk mencari kesimpulan yang bersifat umum. Dengan jelas lagi, kerangka teori dan maklumat berkaitan konsep wakaf dan saham wakaf, konsep pengurusan Islam serta pelaksanaan saham wakaf di MAIS pada bab kedua, ketiga serta keempat akan dijadikan sandaran dalam memberi pandangan. Akhirnya, rumusan dan cadangan dalam kajian ini telah diberikan oleh pengkaji melalui bab lima. Dengan menggunakan metode ini, rumusan yang tepat akan dapat dibuat termasuklah memberi saranan dan cadangan berhubung pelaksanaan saham wakaf di MAIS menurut perspektif pengurusan Islam sebagai perkara yang telah dikaji oleh pengkaji.

## 1.9 PECAHAN BAB

Dalam penulisan kajian ini, terdapat lima bab yang menghuraikan perkara-perkara berkaitan. Bab pertama merupakan pengenalan yang terdiri daripada latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, kajian lepas dan metodologi kajian yang merangkumi metode pengumpulan data dan metode analisis data.

Bab kedua kajian memperjelaskan lebih kepada bentuk teoretikal iaitu kupasan dan perbincangan yang merangkumi tajuk seperti konsep wakaf dan saham wakaf serta konsep pengurusan pada pandangan Islam. Peringkat ini, maklumat yang banyak amat diperlukan oleh pengkaji untuk menyokong dan menghuraikan persoalan-persoalan yang wujud di sepanjang kajian. Keperluan maklumat ini adalah bagi menerangkan gambaran yang lebih jelas berhubung topik kajian. Secara tidak langsungnya bab dua ini akan memenuhi objektif pertama kajian.

Bagi bab ketiga, pengkaji akan memfokuskan kepada pelaksanaan SWS di MAIS. Antara perkara yang dimuatkan dalam bab ini ialah berhubung latar belakang MAIS sebagai lokasi kajian, pengurusan SWS di MAIS, perancangan strategi dan perkembangan terkini berkaitan SWS di MAIS. Bab ini pula akan memenuhi objektif kedua dalam kajian.

Bab keempat merupakan bab yang akan menganalisis pengurusan SWS di MAIS dan permasalahan-permasalahan yang wujud dalam pengurusan saham wakaf tersebut seterusnya secara tidak langsung dapat melihat kekuatan-kekuatan yang ada pada MAIS sebagai pemegang amanah tunggal harta-harta umat Islam dalam usahanya menguruskan harta wakaf untuk kepentingan umat Islam. Keseluruhan

dalam bab ini perkara yang akan menjadi fokus pengkaji adalah berhubung dengan pengurusan dijalankan yang bersandarkan dengan elemen-elemen pengurusan Islam itu sendiri iaitu dari sudut sumber, falsafah, fungsi, prinsip dan matlamat serta masalah-masalah berkaitan pada pengurusan SWS di MAIS. Seterusnya bab ini akan memenuhi objektif yang ketiga kajian.

Dalam bab lima adalah peringkat merumus dan memberi cadangan-cadangan mengenai pengurusan saham wakaf di MAIS. Dapatan kajian berdasarkan objektif-objektif akan diambil kira bagi membuat rumusan dan kesimpulan. Seterusnya, cadangan yang diutarakan akan mengambil kira isu, masalah dan cara penyelesaian. Akhirnya, agensi serta pihak yang berminat dengan kajian ini akan dapat mengimplementasikan cadangan yang dikemukakan berdasarkan kesesuaian masa dan keperluan. Bab akhir ini akan memenuhi objektif keempat kajian.

## **1.10 KESIMPULAN**

Kajian bagi mendapatkan maklumat terkini di dalam sesuatu perkara itu perlu termasuklah berhubung dengan pengurusan saham wakaf yang telah dikaji ini. Setiap kajian yang didasarkan dengan disiplin ilmu yang berkesan mampu untuk mencapai satu hasil yang dapat diguna pakai oleh semua pihak yang berhajat dan yang memerlukan kepadanya. Ia juga boleh menambahkan khazanah ilmu yang sedia ada, seterusnya hasil kajian juga boleh diguna untuk melakukan penambahbaikan ke arah mentransformasikan sesuatu objektif dan hala tuju yang ingin dicapai. Semoga dengan kajian ini akan dapat menjadi salah satu daripada amal jariah untuk dimanfaatkan oleh semua.